



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM**

**PETI TAWARAN SEBUTHARGA  
UNIT KEMUDAHAN PENYIMPANAN DAN PENGHAPUSAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN KEMUDAHAN PENYIMPANAN  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN DIIKLANKAN		TARIKH MELIHAT BARANG
TARIKH DIBUKA	TARIKH DITUTUP	
31 Oktober 2022 (Isnin)	30 November 2022 (Rabu) Jam : 9.00 pagi	17 November 2022 <b>DAN</b> 24 November 2022 Jam : 9.00 pagi – 11.00 pagi Bertempat : JPE Sub-Stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong.

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH	TEMPAT
1	Scrap Metal	1 Lot	JPE Sub-Stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong.

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :-**

1. Tawaran dibukakan kepada **syarikat swasta dan orang awam**.
2. **Peralatan** yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
3. Caj borang tawaran bagi “**1 LOT SCRAP METAL**” akan dikenakan dengan harga **\$10.00 (Tidak Dikembalikan)**.

4. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah membuat pembayaran terlebih dahulu di Kaunter Pembayaran di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan borang boleh diambil di **Unit Lukisan, Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas.**
5. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, **Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas** dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk **“SEBUTHARGA SECARA TAWARAN TERTUTUP BAGI 1 LOT SCRAP METAL BIL. RUJUKAN: JPE/AST/HPS/2020/30”** dan memasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.
6. Tarikh tutup tawaran adalah pada **(Hari RABU 30HB NOVEMBER 2022, Jam 9.00 pagi)** dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dengan **WANG TUNAI SAHAJA (Tidak Dikembalikan)** dalam tempoh masa **3 (TIGA)** hari waktu bekerja selepas dimaklumkan/pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan. Jabatan ini tidak menerima pembayaran secara cek ataupun kad kredit.
8. Penender yang berjaya hendaklah **MEMINDAHKAN** peralatan tersebut tidak lewat **28 (DUA PULUH LAPAN)** hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan/kehilangan dalam tempoh tersebut. Jika Penender yang berjaya **GAGAL MEMINDAHKAN** peralatan tersebut dalam tempoh **28 (DUA PULUH LAPAN)** hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, barang berkenaan akan menjadi **MILIK** Jabatan dan Jabatan berhak untuk melelong semula barang berkenaan.
9. **Hanya penender yang berjaya sahaja akan dimaklumkan/pemberitahuan.**
10. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini adalah disarankan untuk membuat lawatan bagi pemeriksaan dan penelitian keadaan kabel yang ditawarkan. Pihak Penender bolehlah menghubungi jabatan melalui telefon **2387000 No. Ext. 3471**. Jadual lawatan kerja akan dilaksanakan pada :-

**17 November 2022 dan 24 November 2022 Jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi**  
bertempat **JPE Sub-Stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong.**